

Rumah Ikram Keluarga Malaysia ditambah

BH
- 25/9/2021
mls: 2

Tambahan kepada 2,000 unit, penerima tidak perlu bayar sewa sehingga 6 bulan

Oleh Saiful Haizan Hasam
saiful.haizan@bh.com.my

Putrajaya: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri mengumumkan Inisiatif Kediaman Rumah Keluarga Malaysia atau Rumah Ikram Keluarga Malaysia ditambah kepada 2,000 unit berbanding 1,000 unit rumah sebelum ini.

Beliau berkata, penambahan itu dibuat kerana beliau memahami jumlah 1,000 unit rumah di 11 Projek Perumahan Rakyat (PPR) sekarang, tidak mencukupi untuk menjadi tempat berlindung bagi Keluarga Malaysia yang terkesan akibat kehilangan mata pencarian.

Katanya, semua penerima Ru-

mah Ikram Keluarga Malaysia juga diberi pengecualian bayaran sewa bulanan RM124 sehingga enam bulan bermula dari tarikh menerima kunci.

“Pengecualian bayaran sewa ini akan ditanggung oleh kerajaan dengan membabitkan peruntukan kira-kira RM3 juta.

“Ini bagi membolehkan saudara dan saudari penerima manfaat, khususnya ketua isi rumah dapat menumpukan usaha untuk merencanakan ekonomi keluarga,” katanya dalam ucapan pelancaran Rumah Ikram Keluarga Malaysia secara maya, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican; Timbalannya, Datuk Seri Ismail Abd Muttalib dan Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Zainal Abidin Abu Hassan.

Rumah Ikram Keluarga Malaysia adalah inisiatif Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi membantu keluarga yang kehilangan tempat berteduh akibat pandemik COVID-19.

Sebagai permulaan, 1,000 unit



Ismail Sabri melancarkan Rumah Ikram Keluarga Malaysia di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sambil diperhatikan Reezal Merican di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

rumah disediakan di 11 PPR di bawah seliaan KPKT di sekitar Kuala Lumpur, Selangor, Kedah, Kelantan dan Johor dengan kadar sewa RM124 sebulan selama tempoh maksimum dua tahun.

Sementara itu, Perdana Menteri menyifatkan Rumah Ikram Keluarga Malaysia sebagai satu inisiatif yang tepat pada masanya dan merupakan langkah penampungan yang boleh kerajaan brikkan kepada rakyat yang memerlukan.

“Ia menjadi teduhan kepada Keluarga Malaysia yang kehilangan dan kekurangan pendapatan atau mungkin juga kehilangan pekerjaan sehingga tidak lagi mampu membayar sewa rumah yang tinggi.

“Begitu juga ada yang terdesak menumpang di rumah saudara mara kerana terpaksa keluar dari rumah sewa,” katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan komited untuk menjadikan agenda perumahan sebagai

fokus utama, khususnya dalam menyediakan kediaman mampu milik untuk Keluarga Malaysia kerana menyedari ramai yang cukup terkesan dengan keadaan ekonomi semasa.

Katanya, berkata program kediaman mampu milik seperti Projek Perumahan Rakyat (PPR), Perumahan PR1MA dan Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) akan terus diperkasakan dan ditambah baik agar setiap Keluarga Malaysia memiliki tempat untuk berteduh.

Selaras dengan semangat Keluarga Malaysia, kerajaan juga akan membantu golongan rentan serta golongan belia dan anak muda untuk memiliki kediaman yang selesa serta berkualiti sejajar dengan agenda Malaysia Yang Berdaya Huni.

“Saya yakin, KPKT akan melihat dengan lebih strategik perancangan dan pelaksanaan program perumahan ini agar ia tidak hanya boleh dibina dalam

tempoh yang singkat, malah mampu dimiliki oleh rakyat Malaysia.

“Insya-Allah, perinciannya akan kita umumkan dalam pembentangan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) serta Belanjawan 2022 tidak lama lagi,” katanya.

Pada majlis itu, Ismail Sabri turut mengumumkan berita gembira iaitu program moratorium bayaran sewa kepada penghuni PPR yang berada di bawah kawal selia KPKT akan diteruskan hingga akhir 2022.

Langkah berkenaan katanya, akan memberi manfaat kepada kira-kira 10,000 ketua isi rumah atau 50,000 penghuni PPR.

Lanjutan moratorium sewa rumah itu melibatkan tanggungan kewangan kerajaan berjumlah RM18.84 juta.

“Inilah sebahagian daripada usaha kita, inisiatif kita, ikhtiar kita untuk Keluarga Malaysia yang memerlukan,” katanya.